

KANATHIR-KEPIMPINAN 'R'R'R'R'R'R'

1983

KUALA LUMPUR, 19 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHA MIR MOHAMAD HARI INI MEMINTA KOMITMEN SEMUA RAKYAT SUPAYA MENUNJUKKAN TAULADAN YANG BAIK DALAM SEGALA ASPEK KEHIDUPAN INI BUKAN SAHAJA BAGI MENDUKUNG KONSEP BERSIN, CEKAP DAN AMANAH TETAPI JUGA MENJAJIN NEGARA MAJUJAYA DAN DIHORMATI OLEH DUNIA, KATANYA.

PESONA MENTERI MENEGASKAN SEMUA PERINGKAT, DARI PEMIMPIN POLITIK DAN PEGAWAI PENTADBIRAN AMAN TERTINGGI HINGGA KE BUDAK PEJABAT PERLU DARI AWAL LAGI MENUNJUKKAN TAULADAN BAIK YANG BOLEH MEYAKINKAN SEMUA PINAK DAN MENENTUKAN PENTADBIRAN NEGARA BERJALAN DENGAN CUKUP BERKESAN.

BERUCAP MELANCARKAN KONSEP KEPIMPINAN MELALUI TAULADAN DI STADIUM TUN ABDUL RAZAK DI SINI, BELIAU BERPENDAPAT IA ADALAH CARA YANG BERKESAN SEKALI BAGI MENENTUKAN KEBAIKAN DIAKALKAN OLEH SEMUA.

+TIDAK ADA KEDAIFAN DARI TABIAT BERCAKAP LAIN DAN MEMBUAT LAIN. SEBAB ITULAH TUNA KEMPEM YANG BERMULA PADA HARI INI IALAH +KEPIMPINAN MELALUI TAULADAN+ ; TAMBAH BELIAU.

BELIAU MENGARUI TAULADAN MEMANG MERUPAKAN BEBAN YANG BERAT TETAPI BAGI MEREKA YANG IKHLAS, YANG INGIN MELIHAT NEGARA INI AMAN DAN MAJUJAYA, DIHORMATI DAN DIBANGGAKAN, BEBAN YANG BERAT ITU TENTU AMAN DIPINUL DENGAN HATI YANG TABAH.

-- LAGI 12407A1

MAHATHIR-KEPIMPINAN 3 KUALA LUMPUR

+JIKA KITA MENJAWAB KEPADA SOALAN-SOALAN INI, MAKA KHIDMAT YANG KITA SERI MESTILAH LEBIH DARIPADA SEMATA-MATA UNTUK Mencari Nafkah dan tentulah kita akan sanggup memberi khidmat yang lebih baik kerana Natlamat yang mulia itu+.

Datuk Seri Dr. Mahathir mengingatkan bahawa semua rakyat harus bekerja bukan setakat upahan yang diterima, tetapi lebih dari itu, iaitu kerana bangsa, negara dan kerana Tuhan yang begitu banyak memberi nikmat kepada negara ini.

+JANGALAH KITA TERLALU BERKIRA AKAN titik peluh kita yang bernilai sekian banyak, tetapi hendaklah kita jalankan tugas kita kerana ini adalah sumbangan kepada masyarakat dan negara sendiri+.

Beliau mengajak 500,000 orang kakitangan kerajaan yang melafazkan ikrar untuk menunjukkan tauladan baik supaya menghayati bahawa ikrar itu bermakna mengamalkan amalan baik yang akan membawa kebaikan bukan sahaja kepada perkhidmatan awam tetapi kepada seluruh masyarakat termasuk diri sendiri.

+TIDAK ADA KERUGIAN DARI KHIDMAT YANG BAIK KERANA Kebaikan yang akan didapati dalam masyarakat akan dirasi juga oleh kita sendiri+, tegasnya.

--LAGI 1339/AN

ZCZC 8554

MAHATHIR-KEPIMPINAN 4 KUALA LUMPUR

BELIAU MENEKANKAN bahawa ikrar sahaja tidak bermakna melainkan ia diamalkan dan untuk menentukan janji yang dibuat ditunaikan maka yang utama yang perlu mengamalkan janji ialah pemimpin sendiri.

+TIDAK ADA GUNANYA PENIMPIN MENYERU KEPADA Kebaikan jika ia sendiri tidak mengamalkan apa yang diseru olehnya+, tegas Perdana Menteri dan sambutan tepuk gemuruh oleh 10,000 orang kakitangan kerajaan yang hadir di upacara itu.

SAMBIL MENGAKUI bahawa pemimpin sebagai manusia biasa tidak sunyi dari kesilapan, beliau berkata pengikut akan memaafkan perbuatan yang tidak digengajakan asalkan usaha dibuat untuk mengamalkan yang baik dan kesalahan dibetulkan.

+KESILAPAN YANG DIMAKSUDKAN DI SINI BUKANLAH BERASAS KEPADA FITNAH YANG SERING DILEMPAR TETAPI ADALAH KESILAPAN YANG NYATA,+

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata konsep kepimpinan melalui tauladan perlu diamalkan oleh semua kakitangan kerajaan kerana mereka juga pemimpin di samping menjadi pengikut atau +anak buah+.

+JIKA TIDAK PADA HARI INI, PADA SATU HARI NANTI KITA TETAP AKAN MENJADI PEMIMPIN+, Tambah beliau.

--LAGI 1345/AN

MAHATHIR-KEPIMPINAN 5 KUALA LUMPUR

BELIAU MENYERU MEREKA SUPAYA MENGUTAHAKAN MUTU KEPIMPINAN SEBAGAI MATLAMAT KERANA MUTU MEMBAWA MANFAAT KEPADA DIRI SENDIRI DAN KEPADA MASYARAKAT.

+NEGARA YANG DITADBIR OLEH ORANG YANG CEKAP AKAN MENJADI LEBIH MAJU DAN KUKUH. SUDAH TENTU MARUAH NEGARA AKAN LEBIH TERPELIHARA+.

KEPADA PEKERJA BERBILANGA KAUM DALAM KERAJAAN ATAU SWASTA, BELIAU BERPESAN SUPAYA MENGURANGKAN PERASAAN SYAK WASANGKA, DAN TUDUH-MENUDUH MEMANDANGKAN DI NEGARA INI SEMUA PENDUDUK TIDAK DAPAT ELAK DARI BERCAMPUR-GAUL DI ANTARA KAUM DI WAKTU BEKERJA.

+ADALAH LEBIH BAIK BAGI SEMUA PIHAK JIKA KITA SEMUA CUBA MENGURANGKAN PERBUATAN DISKRIMINASI DAN JIKA BERLAKU SEDIKIT SEBANYAK PERBUATAN YANG BOLEH MENIMBULKAN KERAGUAN TENTANG SIKAP, KITA KETEPIKAN SAHAJA DAN KITA TUMPUKAN KEPADA KERJA YANG PERLU DIBUAT DENGAN SEMPURNA+.

+DENGAN PERKATAAN LAIN, TERIMALAH HAKIKAT HIDUP DAN BEKERJA DALAM MASYARAKAT MAJMUK DAN SESUAIKAN DIRI DENGAN HAKIKAT INI... KURANGKANLAH TUDUH MENUDUH, TETAPI SEBALIKNYA, ERATKAN PERHUBUNGAN ANTARA KAUM, BAIK DI WAKTU BEKERJA ATAU SELEPASNYA+, TEGAS PERDANA MENTERI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SUNGGUHPUN PERSEFAHAMAN DAN HARMONI ANTARA KAUM NEGARA INI BOLEH DIBANGGAKAN, TETAPI KERJASAMA DAN PERSEFAHAMAN ITU MASIH BOLEH DIPERBAIKI.

--LAGI 13597AN

ZCZC 8558

MAHATHIR-KEPIMPINAN 6 KUALA LUMPUR

BELIAU KEMUDIAN MENARIK PERHATIAN TENTANG TERJADINYA KEADAAN DI MANA KETUA DAN PEKERJA TERDIRI DARIPADA KAUM-KAUM BERLAINAN DAN BIASANYA DALAM KEADAAN INI, PERASAAN TIDAK PUAS HATI AKAN TIMBUL SERTA TUDUHAN PENINDASAN, SABOTAJ DAN SEBAGAINYA AKAN DISUARAKAN.

KATANYA MUNGKIN SUNGUTAN DAN TUDUHAN ITU BERASAS, TIDAK KIRA YANG MANA SATU KAUM MEMBUAT DAKWAAN TETAPI UNSUR SYAK WASANGKA KERANA BERLAINAN KAUM BIASANYA MEMBESRKAN PERISTIWA-PERISTIWA YANG KECIL.

JIKA TERDAPAT PULA ORANG BERKEPENTINGAN MAKA SYAK WASANGKA ITU AKAN DITOKOK TAMBAH, KETEGANGAN BERLAKU DAN KERJA TIDAK DAPAT DIJALANKAN DENGAN BAIK.

BELIAU MENGSIFATKAN KEJADIAN ITU YANG BERLAKU DALAM JABATAN-JABATAN KERAJAAN DAN JUGA DALAM FIRMA-FIRMA SWASTA SEBAGAI TIDAK SIHAT DAN TIDAK MENOLONG MEMBANGUNKAN NEGARA.

--BERNAMA 14017AN